

Barat tiada hak hakimi orang lain

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan tiada negara atau tamadun dunia boleh mendakwa mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan makna kebebasan dan hak asasi manusia.

Sehubungan itu, Perdana Menteri membidas Barat yang bersikap talam dua muka berhubung hak asasi manusia serta tindakan yang hanya mengutamakan kepentingan mereka semata-mata.

Beliau menyarankan satu bentuk nilai baru khususnya mengenai hak asasi manusia diwujudkan kerana tanggapan liberal Barat mengenai hak asasi manusia tidak memberikan jawapan kepada pelbagai masalah dunia.

Menurutnya, berdasarkan rekod dan prestasi kuasa Barat, mereka sebenarnya tidak boleh menentukan definisi atau berkhutbah mengenai hak asasi manusia.

"Tiada negara, tiada

orang dan tiada tamadun dunia boleh mendakwa mereka mempunyai kuasa mutlak menentukan apa sebenarnya hak asasi manusia.

"Malah ketika ini mereka (Barat) tidak mempunyai hak sama-sekali untuk bercakap mengenai hak asasi manusia, apatah lagi menghakimi orang lain dalam isu ini," katanya berucap merasmikan persidangan antarabangsa 'Menilai Semula Hak Asasi Manusia' di sini, hari ini.

Persidangan dua hari itu dianjurkan oleh Just World Trust (Just), sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang berjuang menuntut keadilan sejagat. Ia dihadiri lebih 350 peserta dari 60 negara.

Dalam ucapan hampir sejam itu, Perdana Menteri menghuraikan secara panjang lebar mengenai keadilan, hak asasi manusia di seluruh dunia sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua

LIHAT MUKA 4

Barat tiada hak hakimi orang lain

DARI MUKA 1

serta pada era pasca Perang Dingin.

Beliau turut memetik Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai kesamarataan semua orang dan semua negara, untuk direnungi mengenai pentingnya dipelihara kebebasan hak asasi.

Dr Mahathir berkata semua pihak, termasuk penduduk Asia perlu diberi peluang memberi cadangan dan menyumbang ke arah mewujudkan satu set nilai baru untuk membantu menyelesaikan sesetengah daripada masalah ketika ini.

"Sudah kena pada masanya untuk meneliti hak asasi manusia kerana

keyakinan kepada tamadun moden semakin terhakis," katanya.

Dr Mahathir mengakui negara Asia bukanlah pula contoh terbaik terhadap amalan hak asasi manusia kerana ada juga kepincangan berlaku, tetapi tidak seperti digambarkan oleh media Barat.

Menurutnya, berdasarkan rekod kebanyakan kuasa Barat, mereka hanya mengutamakan kepentingan sendiri dalam sesuatu tindakan termasuk soal hak asasi manusia.

Katanya, hanya setelah kepentingan terjamin, seperti berlaku di Kuwait, barulah mereka sanggup mengambil tin-

dakan atas alasan demokrasi.

Beliau berkata, Barat mentafsir hak asasi manusia sebagai kebebasan kepada setiap individu melakukan apa saja yang sukainya dan tidak boleh dihalang atau ditegah oleh kerajaan.

"Mereka tidak peduli sama ada kerajaan itu dipilih secara demokrasi oleh majoriti rakyat. Bagi mereka, kerajaan tidak boleh dengan apa cara sekalipun bertindak terhadap tindakan atau keinginan seseorang," katanya.

Katanya, ini membawa kepada pelbagai sosial sosial yang bertentangan dengan norma kehidupan seperti per-

hubungan sejenis.

Dr Mahathir berkata sementara mereka membenarkan gejala sedemikian berleluasa, Barat yang didalangi oleh pertubuhan bukan kerajaan dan media terus memperitikaikan rekod hak asasi manusia di negara lain.

"Mereka mengancam mengenakan sekatan perdagangan, menarik balik bantuan, menghentikan pinjaman serta memulaukan ekonomi terhadap negara yang mereka dakwa melanggar hak asasi manusia.

"Malah mereka sanggup menculik orang di negara lain semata-mata untuk membolehkan orang itu dibicarakan mengikut undang-undang

di negara mereka, jika ada alasan berbuat demikian.

"Mereka langsung tidak menghormati kemerdekaan atau integriti sebuah wilayah dalam usaha menegakkan prinsip demokrasi mereka," katanya.

Mengenai persidangan itu, Dr Mahathir berkata, ia seharusnya membincangkan secara menyeluruh mengenai hak asasi manusia sejagat dan bukan mengikut standard Asia atau Eropah.

Menurutnya, pandangan Barat berhubung hak asasi manusia serta isu lain tidak memberi jawapan kepada permasalahan dalam konteks dunia hari ini.